

# NGO bantu pupuk kesedaran

Banyak pihak terlibat perlu diberi pendedahan

**M**ASIH belum terlewat bagi rakyat negara ini diberi pendedahan mengenai pentingnya menjaga kebajikan haiwan, meskipun isu tersebut telah mendapat perhatian di luar negara.

Apatah lagi semakin ramai pencinta haiwan kini mula memelihara haiwan kesayangan yang mana mereka perlu diberi pendedahan awal bagi mengelakkan unsur-unsur kezaliman ke atas peliharaan masing-masing.

Menurut Setiausaha Yayasan Kebajikan Haiwan Kebangsaan Malaysia (MNAWF), **Niremala Devi**, pihaknya banyak mengendalikan isu-isu kezaliman terhadap haiwan kesayangan yang meliputi kes-kes seperti tidak memberi perhatian kepada keperluan asas, makanan dan perlindungan.

“Peranan kami khusus kepada (penjagaan) haiwan yang dipelihara orang ramai,” ujarnya sambil memberitahu bahawa yayasan berkenaan menggunakan slogan *Sayang Semua Kehidupan*.

Beliau berkata, yayasan tersebut telah menjalankan beberapa program dan projek melibatkan kerjasama pelbagai pihak antaranya Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Fakulti Kedokteran Veterinar Universiti Putra Malaysia (UPM) iaitu mengenal pasti keperluan dan peraturan mengenai penjagaan haiwan.

Kerjasama tersebut menurut Niremala penting terutama mereka yang ingin memelihara haiwan kesayangan supaya lebih memahami dan mengetahui penjagaan sebenar haiwan bagi mengelakkan sebarang unsur-unsur keganasan.

Yayasan berkenaan juga menganjurkan program yang memberi pendidikan kepada doktor veterinar yang baru menamatkan pengajian dari UPM.

Pihaknya juga mengenal pasti aktiviti yang boleh dapat mengurangkan haiwan terbiar di negara ini khususnya kucing dan anjing dan mendapatkan pandangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

## Laporan KHAS Mega

berhubung tindakan mengkaji haiwan yang terbiar.

“Mengikut Jakim mengembiri binatang kesayangan seperti kucing dan anjing hukumnya adalah diharuskan dengan sebab-sebab tertentu iaitu bagi menjaga masalah ammah,” ujarnya.

Dengan pengesahan Jakim itu, pihaknya tidak lagi menghadapi masalah untuk mengawal binatang tersebut yang terbiar dan pada masa sama yayasan berkenaan juga mendapatkan pandangan klinik veterinar dan pihak berkuasa tempatan (PBT) berhubung isu tersebut.

Sebelum ini (sebelum mendapatkan Jakim) pihaknya berdepan masalah bahawa orang Islam berkata adalah berdosa mengkaji haiwan tetapi selepas kami telah memberi pandangan bahawa adakah tidak bersalah membiarkan haiwan terbiar terus membiak tanpa penjagaan sampai bila-bila.

Bagi anjing pula, pihaknya menganjurkan program latihan latihan untuk pemilik dengan bayaran RM200 untuk tempoh tiga bulan.

Program latihan tersebut bertujuan supaya semua pemilik memelihara anjing yang terlatih.

Setakat ini katanya, terdapat keluarga yang membawa masuk haiwan peliharaan ke dalam rumah mereka menunjukkan pemilik berkenaan menyayangi peliharaan mereka.

Mengenai sama ada usaha memupuk budaya menjaga kebajikan haiwan itu turut meliputi ternakan, Niremala berkata, perkara tersebut dikendalikan oleh persatuan masing-masing.



**ORANG** ramai boleh merujuk kepada laman web MNAWF untuk mendapatkan maklumat lanjut program yayasan berkenaan.

Niremala berkata, pihaknya menyokong sebarang usaha daripada mana-mana organisasi dalam aspek penjagaan haiwan dan tidak berniat mencampuri peranan masing-masing dalam hal tersebut tetapi boleh berbincangan diadakan dengan JPV selaku pihak yang mempunyai kuasa, sekiranya mempunyai sebarang masalah.

“Kami memainkan peranan dan tugas mengikut matlamat masing-masing. Sebagai contoh, yayasan mengadakan pelbagai program pendidikan termasuk ke sekolah-sekolah bagaimana menjaga haiwan serta mengadakan seminar bersama JPV bagi membuat garis panduan kepada penternak tempatan.

“Kami juga mengedarkan garis panduan tersebut selain mengadakan demonstrasi bagaimana menangkap atau mengendalikan anjing liar,” ujarnya sambil memberitahu bahawa yayasan tersebut mempunyai 1,000 ahli.

Ujarnya lagi, JPV merupakan pihak yang dirujuk jika sekiranya terdapat masalah berhubung masalah tersebut atau pun mereka mengadu kepada Persatuan Pencegah Kezaliman Haiwan (SPCA) jika terdapat kes-kes dera.

Bagaimanapun pihaknya mengalukan-alukan cadangan baru dalam Akta Binatang supaya penalti lebih tinggi dikenakan daripada hanya RM200 kepada RM100, 000 kepada mana-mana pihak atau individu yang mendera haiwan.



**SMS**

**Kezaliman Haiwan**

**DVS HQAduan**

[aduan anda] hantar ke

**15888**



**NIREMALA** Devi menunjukkan nombor untuk orang ramai membuat aduan jika ternampak kes-kes penderaan haiwan.